PERATURAN PERMAKAHAN

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | **Dua** balasan Allah SWT terhadap mereka yang mempersenda agama dalam hadis tersebut ialah:<br>- diberi minum air panas yang menggelegak<br>- diazab oleh allah | 2 x 1m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | **Dua** cara menjaga kesucian islam ialah:<br>- Mencontohi keperibadian Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian<br>- Mempertingkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat demi menjaga keutuhan akidah.<br>- Mengelakkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan maruah islam<br>- Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan. | 2 x 2m<br>= 4m |
| | | | | |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran ayat:<br>- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) supaya dapat menjaga kesucian Islam (1m).<br>- Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan dan gurauan ialah sebahagian daripada tipu daya dunia.<br>- Kita hendaklah sentiasa memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama (1m) berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah (1m).<br>- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat(1m) kepada orang yang mempersendakan agama (1m).<br>- Kita hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah (1m) dengan siksaan api neraka (1m).<br>- Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam(1m) dengan pendekatan yang terbaik (1m) | 2 x 2m<br>= 4m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (b) | (i) | **Dua** golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT selain pemimpin yang adil ialah:<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah.<br>- Seorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana Allah<br>- Seseorang yang membenci maksiat kerana takutkan Allah.<br>- Seorang yang menyembunyikan sedekahnya<br>- Seorang yang mengingati Allah SWT secara sendirian hingga menitiskan air mata. | 2 x 1m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | **Dua** contoh pemimpin yang adil ialah:<br>- memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi<br>- mencegah kemungkaran daripada berleluasa. | 2 x 1m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran hadis:<br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (1m) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah (1m).<br>- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda (1m) dengan mendekatkan diri kepada Allah (1m).<br>- Kita hendaklah berusaha mengimarahkan masjid (1m) agar syiar islam dapat ditegakkan (1m).<br>- Kita hendaklah saling mengasihi (1m) supaya masyarakat hidup aman damai (1m).<br>- Kita hendaklah menjauhi maksiat (1m) agar selamat dari kemurkaan Allah (1m).<br>- Kita hendaklah memperbanyakkan sedekah (1m) supaya dapat menyucikan harta (1m).<br>- Kita hendaklah melazimi zikir (1m) supaya jiwa menjadi tenang (1m). | 2 x 2m<br>= 4m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m |
| | | | | |
| | ( c) | | Hukum tajwid<br>i) Mad Lazim Kalimi Muthaqqal<br>ii) Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf | 2 x 1m<br>= 2m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud al-Raqib ialah :<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi / semua perbuatan dan keadaan makhluk. | 1 x 2m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | **Dua** bukti Allah bersifat al-Raqib:<br>- Allah Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya<br>- Allah sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia | 2 x 2m<br>= 4m |
| | | | | |
| | | (iii) | Rubrik penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. / 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas / 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. / 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. / 4m<br><br>Cadangan isi :<br>- Menjadi murid yang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu<br>- Menjalankan tanggungjawab menuntut ilmu dengan sebaiknya | 4m |
| | (b) | (i) | Maksud ajaran sesat ialah :<br>Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. | 1 x 2m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | **Dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadat:<br>- Menolak kewajipan ibadat fardhu<br>- Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah al-Mukarramah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah | 2 x 1m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (iii) | Maksud pluralisme agama ialah :<br>Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan. | 1 x 2m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | | | |

Rubrik penskoran (iii):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | **Dua** cara menjauhi ajaran sesat:<br>- Mempelajari aqidah yang sebenar (1m) berdasarkan manhaj ahli sunnah wal jamaah (1m)<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya (1m) supaya tidak terpengaruh (1m)<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah (1m) supaya diterima Allah SWT (1m)<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih (1m) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat (1m)<br>- Berdoa memohon petunjuk (1m) agar sentiasa berada di jalan yang benar (1m)<br>- Bertaubat kepada Allah SWT (1m) atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat (1m) | 2 x 2m<br>= 4m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Solat Dhuha ialah :<br>Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari</td><td>1 x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kaifiat Solat Dhuha ialah :
<table>
<tr><td>Niat</td><td colspan="2">Lafaz niat :<br>أصلي سنة الضحى ركعتين لله تعالى<br>“ Sahaja aku solat sunat dhuha dua rakaat kerana Allah Taala”</td></tr>
<tr><td>Bilangan Rakaat</td><td colspan="2">2,4,6, atau 8 rakaat</td></tr>
<tr><td>Cara Pelaksanaan</td><td colspan="2">Digalakkan secara bersendirian</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Bacaan dalam solat</td><td>Rakaat Pertama</td><td>Rakaat kedua</td></tr>
<tr><td colspan="2">Membaca surah al-Fatihah</td></tr>
<tr><td>Membaca surah al-Syam atau surah lain</td><td>Membaca surah al-Dhuha atau surah lain</td></tr>
<tr><td colspan="3">Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam<br>(Wahbah Zuhaili : Al-Fiqh al-Manhaj ala Mazhab al-Imam al-Syafie)</td></tr>
</table>
</td><td>1 x 4m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi: Tujuan Solat Dhuha<br>- Tanda syukur atas nikmat Allah</td><td>(4m)</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Mendekatkan diri kepada Allah<br>- Bukti ketaatan kepada Allah | |
| | (b) | (i) | Maksud wasiat ialah :<br>Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup, untuk mengagihkan harta selepas kematian menurut hukum syarak. | 1 x 2m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | **Dua** cara pengurusan wasiat menurut syarak :<br>- Harta yang diwasiat hendaklah dikira sebaik sahaja kematian pewasiat.<br>- Harta yang diwasiatkan tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta.<br>- Dilaksanakan setelah dilangsaikan segala perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang si mati. | 2 x 2m<br>= 4m |
| | | | | |
| | | (iii) | **Dua** hikmah pensyariatan wasiat :<br>- Mendapat ganjaran pahala yang berpanjangan (1m) walaupun selepas meninggal dunia (1m).<br>- Menjamin kelangsungan operasi sesebuah organisasi(1m) melalui suntikan dana daripada wasiat (1m).<br>- Memanfaatkan harta (1m) bagi tujuan kebajikan masyarakat melalui wasiat (1m).<br>- Menjaga kebajikan orang yang hampir dengan si mati (1m) seperti anak angkat waris yang tidak layak menerima harta pusaka (1m). | 2 x 2m<br>= 4m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniah :<br>- Sultan Uthman Bin Ertughul<br>- Sultan Murad 1<br>- Sultan Muhamad al-Fatih<br>- Sultan Sulaiman al-Qanuni</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada salah satu aspek :<br>a) Keilmuan :<br>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan dan sebagainya.<br>- Menaiktaraf dan membina masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merancakkan aktiviti keagamaan.<br><br>b) Ketenteraan :<br>- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera demi mempertahankan agama dan negara.<br>- Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaras sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata.</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi : Fokus - iktibar pemerintahan kerajaan Uthmaniah<br>- Memilih pemimpin yang berwibawa<br>- Memilih pemimpin yang berpegang kepada ajaran Islam</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua sifat peribadi al-Imam Malik berkaitan ilmu :<br>- Menghormati dan mencintai ilmu<br>- Berpegang teguh kepada prinsip “murid mencari guru”<br>- Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW<br>- Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu<br>- Sanggup berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Empat** sumbangan Imam Malik rahimahullah :<br>- Menghasilkan karya Kitab al-Muattok<br>- Mengasaskan mazhab Hanafi berdasarkan amalan penduduk Madinah, Qias dan Masolih al-Mursalah<br>- Melahirkan murid terkenal seperti Imam Syafie/Abdullah bin Abdul-Hakam/Abdul Rahman bin Qasim<br>- Mazhabnya tersebar di Mesir, Andalus, Tunisia dan Afrika |
| | | | |
| | | (iii) | **Dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh Imam Malik :<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran Imam Malik dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu (1m).<br>- Kkita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab (1m) supaya masyarakat hidup harmoni (1m).<br>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari (1m) supaya hidup diberkati Allah swt. (1m)<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat (1m).<br>- Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu (1m) agar tidak terpesong daripada syariat Islam (1m). |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Wasatiah ialah :<br>Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang / dalam setiap Tindakan.</td><td>1 x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua ciri umat yang cemerlang ialah :<br>- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi membangunkan negara dan basmi kemiskinan.<br>- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman kefasikan dan kekejaman.<br>- Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredaan Allah.<br>- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah</td><td>2 x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah melaksanakan prinsip wasatiah ialah :<br>- Syiar Islam dapat ditegakkan (1m) dengan menyempurnakan akhlak dan nilai yang murni (1m)<br>- Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang (1m) dapat diwujudkan kerana ada yang kestabilan politik (1m)<br>- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana (1m) kerana tiada berlaku pembaziran (1m)<br>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan (1m) mengikut keperluan negara (1m).<br>- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu (1m) dapat dibangunkan dan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan (1m).</td><td>1 x 2m<br>= 2m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi<br>- Kesedaran menjimatkan air<br>- Memeriksa sistem paip secara berkala<br>- Kitar semula air hujan</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Tawaduk ialah :<br>Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia | 1 x 2m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Sifat tawaduk Rasulullah SAW ketika makan dan minum ialah :<br>- Baginda tidak pernah mencela makanan<br>- Jika Baginda menyukai makanan tersebut, Baginda akan memakannya.<br>- Apabila Baginda tidak menyukainya, Baginda meninggalkannya.<br>- Baginda tidak menzahirkan perasaannya sebaliknya hanya berdiam. | 2 x 1m<br>= 2m |
| | | | | |
| | | (iii) | Hikmah sifat tawaduk ialah :<br>- Membentuk insan yang bertaqwa (1m) kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah (1m).<br>- Dikasihi masyarakat (1m) kerana tidak bersikap sombong (1m).<br>- Membentuk keluarga yang harmoni (1m) kerana saling menghormati antara satu sama lain (1m).<br>- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT (1m) kerana sentiasa bersyukur (1m).<br>- Membudayakan sikap merendah diri (1m) demi kepentingan Islam (1m). | 1 x 2m<br>= 2m<br><br>Isi : 1m<br>H : 1m |
| | | | | |
| | | (iv) | **Rubrik penskoran :** (see table below)<br><br>**Cadangan isi**<br>- Membentuk sifat merendah diri dengan kawan<br>- Menghormati guru<br>- Tidak sombong | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan | 3m |
| Menyatakan isi dengan lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |